

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah peruntukkan bajet tahun 2017 ini untuk menaikkan taraf kemudahan perubatan di Miri termasuk bajet untuk membina lebih banyak bilik pembedahan di Hospital Umum Miri dan juga peruntukan untuk pembinaan tempat letak kereta awam untuk memudahkan aliran lalu lintas terutamanya di Hospital Umum Miri dan poliklinik - poliklinik di kawasan Miri. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina poliklinik baru dan juga hospital tuberculosis (TB) di Miri.

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Bahagian Miri telah mempunyai beberapa kemudahan kesihatan termasuk Hospital Miri dan dua (2) hospital swasta, 30 klinik swasta, tiga (3) klinik kesihatan kerajaan dan tiga (3) Klinik 1 Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diluluskan peruntukan bagi projek pembinaan blok tambahan Hospital Miri yang melibatkan penambahan katil sebanyak 328 buah termasuk kelengkapan enam (6) dewan bedah, wad rawatan rapi serta kemudahan klinik pakar. Selain daripada itu, skop projek juga meliputi kemudahan tempat letak kereta awam selaras dengan kemudahan tambahan yang disediakan. Kerja-kerja perancangan teknikal yang intensif sedang dijalankan dan projek dijangka dapat ditender pada pertengahan tahun 2017.

Tuan Yang DiPertua,

Adalah dasar KKM tidak membina hospital yang khusus untuk penyakit Tuberkulosis (TB). Keperluan bagi merawat kes-kes TB akan diintegrasikan dalam kemudahan fasiliti hospital sedia ada. Dalam RMKe-10, KKM telah melaksanakan beberapa projek naiktaraf Hospital Miri termasuklah projek pembinaan wad penyakit berjangkit yang boleh menampung kes-kes penyakit berjangkit termasuk penyakit TB. Selain daripada itu, terdapat juga projek naiktaraf pembinaan dua (2) Dewan Bedah dan Bilik Endoskopi Hospital Miri; serta pemasangan mesin MRI di Jabatan Radiologi.

Bahagian Miri, juga telah diberi peruntukan untuk pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 Bandaraya Miri yang sedang dalam fasa 1 kerja-kerja awalan. Pada masa kini, kerja-kerja tanah sedang dijalankan di tapak klinik berkenaan. Selain itu, Klinik Kesihatan Jenis 5 (KK5) Dengan Kuarters, Bario, Miri juga telah dibina dan beroperasi sejak awal 2013.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat 5 Mac 2017, berapa ramai guru bukan warga negeri Sarawak (non - sarawakians) yang sedang mengajar di Sarawak dan berapa ramai guru agama Islam yang mengajar kelas agama di negeri Sarawak. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan bilangan guru di Sarawak , termasuk guru agama warga negeri Sarawak, di Sarawak bagi tempoh selama 3 tahun sebelum ini dan berapa jumlah para guru di Sarawak setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada 1 Mac 2017, terdapat 7,834 orang guru dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak termasuk 1,805 guru mengajar Pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan Malaysia memberi keutamaan penempatan guru baharu ke Sarawak dalam kalangan guru kelahiran atau anak jati Negeri Sarawak bagi memastikan sasaran 90 peratus guru yang berkhidmat di negeri Sarawak terdiri dalam kalangan anak tempatan dapat dicapai

bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2018. Walau bagaimanapun penempatan guru baharu adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan.